

14 MAY 1996

EAEC-Jepun

EAEC TELAH MENJADI KENYATAAN, KATA KETUA KUMPULAN BIJAK PANDAI JEPUN

KUALA LUMPUR, 14 Mei (Bernama) -- Lima tahun selepas mencadangkan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akhirnya melihat ia menjadi kenyataan, menurut ketua sebuah kumpulan bijak pandai Jepun.

Eiichi Furukawa, Pengarah Eksekutif Pusat Jepun Bagi Strategi-strategi Antarabangsa berkata, Jepun yang pada satu masa dahulu mengelakkan sokongan secara langsung kepada EAEC, mengakhiri bangkangannya pada Februari lepas dengan mengumumkan penyertaannya dalam mesyuarat Menteri-menteri Asia Timur di Kuala Lumpur, bulan depan.

Mesyuarat itu bertujuan membincangkan potensi ekonomi dan pembangunan di Rantau Mekong, katanya.

Dalam rencananya di akhbar "Japan Times" hari ini, Furukawa berkata mesyuarat Menteri-menteri Asia Timur mengenai sokongan dan bantuan kepada Rantau Mekong yang dicadangkan oleh Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong di persidangan kemuncak Asean di Bangkok, Disember lepas sebenarnya mesyuarat EAEC.

"Goh berkata mesyuarat itu mungkin dipanggil mesyuarat EAEC. Beliau tidak mahu menyatakannya ia sebagai mesyuarat EAEC dengan terus terang disebabkan ianya sensitif bagi pihak Jepun pada masa itu," kata beliau.

Furukawa berpendapat dua perkembangan sejak kebelakangan ini yang mengubah pendirian Jepun terhadap EAEC, yang pertamanya Amerika Syarikat (AS) menggugurkan bantahannya terhadap forum rundingan dan kerjasama negara-negara Asia Timur itu dan keduanya tindakan yang lebih kurang serupa oleh Australia sejak setahun kebelakangan ini.

Konsep EAEC terus kukuh sejak setahun kebelakangan ini dengan Penolong Setiausaha Negara AS, Winston Lord mengisytiharkan negaranya mendekati EAEC dengan semangat kerjasama dan tidak mahu ia menjadi isu perbalahan.

Satu lagi halangan dalam penyertaan Jepun di EAEC ialah bangkangan daripada Australia. Tetapi selepas pilihan raya umum di negara itu pada Mac lepas kerajaan baru dengan segera menarik balik bantahannya, dengan Menteri Luar Alexander Downer berkata kerajaan sebelum itu telah melakukan kesilapan diplomatik dalam membantah gagasan EAEC dan Canberra tidak lagi akan membangkangnya.

Mengapa kedua-dua negara tidak lagi membantahnya?

Furukawa berpendapat mereka berbuat demikian kerana selepas lima tahun, kerajaan AS dan Australia akhirnya sedar bangkangan terhadap gagasan EAEC tidak produktif bagi dasar kedua-dua negara terhadap Asia.

Di bawah ruangan beliau yang bertajuk "Impian Mahathir Akhirnya Menjadi Kenyataan", Furukawa berkata, juga patut diberi perhatian ialah persidangan kemuncak pertama Asia-Eropah yang diadakan di Bangkok pada Mac lepas dengan negara-negara Asia Timur bertemu Eropah tanpa kehadiran AS.

Oleh itu, negara-negara Asia Timur telah diiktiraf sebagai satu kumpulan yang mempunyai identitinya tersendiri di arena antarabangsa.

Di mesyuarat Bangkok itu nanti, Asia diwakili oleh tujuh anggota Asean ASEAN (Brunei, Malaysia, Indonesia, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam), dan China, Jepun dan Korea Selatan yang kesemuanya juga akan menyertai mesyuarat pertama EAEC apabila ia diadakan secara formal.

"Adalah agak menarik dan penuh bermakna kerana negara-negara Asia Timur bertemu dengan negara-negara Eropah atas asas yang sama," kata beliau.

Oleh sebab itu, negara-negara Asia Tenggara kini mempunyai sekurang-kurangnya tiga identiti: identiti sebagai anggota Asean, sebagai

anggota APEC (Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik) dan sebagai anggota kumpulan negara-negara Asia Tenggara.

Sistem tiga aras ini secocok dengan sistem keselamatan Eropah Timur. Terdapat Sistem Kerjasama Pertahanan Kesatuan Eropah (EU) dan Kesatuan Eropah Barat (WEU) yang anggotanya terdiri daripada negara-negara Eropah Barat.

Keduanya NATO, yang membawa masuk AS dan Kanada kepada senarai EU-WEU.

Akhirnya, terdapat Pertubuhan Keselamatan dan Kerjasama di Eropah yang membawa masuk Russia dan negara-negara Eropah Tengah dan Timur kepada kumpulan NATO.

"Amerika dan Australia telah berundur. Asean akhirnya berjaya. Orde baru telah muncul di Asia Timur," kata Furukawa.

Memandangkan identiti dan kesedaran bersama Asia Timur yang berkembang sejak suku abad lepas berserta dengan wawasan dan ketabahan, masa telah tiba bagi kejayaan Mahathir," kata beliau. -- BERNAMA

AU CTL PR